

03 OKTOBER 2017

Pelajar kolej swasta disyaki geng sindiket ditangkap

RAMPASAN DADAH 23 KILOGRAM

Pelajar kolej swasta disyaki geng sindiket ditangkap



Adnan (tengah) menunjukkan paket mampat ganja yang dirampas susulan penahanan tiga lelaki warga Nigeria pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, semalam.

Kuala Lumpur: Tiga pelajar warga Nigeria yang disyaki menganggotai sindiket pengedaran dadah, ditahan bersama ganja dan methamphetamine seberat lebih 23 kilogram (kg) dalam serbuan polis ke kondominium di Cheras, Khamis lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Adnan Azizon, berkata suspek berusia 29 hingga 30 tahun ditahan jam 2.30 petang oleh anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Ibu Polis Daerah (IPD) Cheras, hasil maklumat dan risikan.

Beliau berkata, pemeriksaan terhadap unit kondominium didiami dua daripada suspek terbabit, menemui gumpalan pembalut aluminium mengandungi ganja seberat 0.56 gram.

Berbandukan maklumat daripada suspek, polis melakukan pemeriksaan terhadap sebuah kereta jenis Kia Sephia sebelum menemui dua beg berisi ganja disorok dalam but.

"Pemeriksaan beg pertama menemui 10 ketulan mampat daun kering disyaki ganja dan tujuh lagi ketulan ditemui dalam beg kedua.

"Turut ditemui dalam beg berkenaan bungkusan plastik lut sinar berisi methamphetamine. Berat keseluruhan semua dadah itu 23.432 kilogram bernilai RM43,800," katanya.

Bercakap pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur semalam, Adnan berkata, suspek mendakwa mereka pelajar sebuah kolej swasta dan masuk ke negara ini sejak 2013.

"Siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengesahkan sama ada mereka benar-benar belajar di kolej yang dinyatakan. Mereka di-reman enam hari sehingga Rabu ini.

"Kes diasas mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan," katanya.